

24 OCT 2003

Mahathir-PNG/I

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI KE PNG

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

PORT MORESBY, 24 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari yang akan membuka ruang baru kerjasama antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut oleh Perdana Menteri Papua New Guinea (PNG) Sir Michael Somare dan Lady Veronica di Lapangan Terbang Antarabangsa Jackson, kira-kira 8km dari sini.

Tembakan meriam, 19 das dilepaskan bagi menyambut ketibaan Perdana Menteri yang baru selesai mengadakan lawatan bermakna selama tiga hari ke Dili, lawatan pertama ketua kerajaan ke Timor Leste selepas kemerdekaan negara itu Mei tahun lepas.

Dr Mahathir kemudiannya memeriksa perbarisan kehormatan oleh Pasukan Konstabel Diraja PNG dan Pasukan Pertahanan PNG pada majlis sambutan rasmi itu. Ia merupakan lawatan ketiga Dr Mahathir ke PNG selepas 1982 dan 1984.

Delegasi rasmi Perdana Menteri terdiri daripada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin.

Mereka yang menaiki penerbangan khas bersama pegawai kerajaan dan delegasi 40 ahli perniagaan yang turut menyertai lawatan beliau ke Timor Leste, tiba lebih awal.

Program Dr Mahathir hari ini termasuk pertemuan empat mata dengan Sir Michael di Pejabat Perdana Menteri PNG itu dengan kedua-dua pemimpin akan bertukar pandangan mengenai pelbagai isu-isu kepentingan bersama dan diikuti mesyuarat delegasi.

Perdana Menteri akan mengunjungi Gabenor Jeneral PNG Sir Silas Atopare di Rumah Kerajaan sebelum menghadiri jamuan malam rasmi yang dianjurkan oleh Sir Michael di sebuah hotel di sini malam ini.

Esok, Dr Mahathir akan menemui masyarakat Malaysia di sini sebelum berucap pada Dialog Perniagaan Malaysia-PNG.

Beliau akan berlepas pulang pada tengah hari.

PNG yang merdeka pada 16 Sept, 1975, mempunyai kira-kira 5.1 juta penduduk.

Aktiviti ekonomi utama negara itu ialah pertanian, perlombongan, perikanan, perhutanan, pengilangan dan pembinaan.

Lawatan Dr Mahathir disiarkan secara meluas oleh dua akhbar harian berbahasa Inggeris PNG - National Newspaper dan Post-Courier, yang menyiarkan sebahagian daripada ucapan Perdana Menteri pada sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya Khamis lepas.

The National, sebaliknya menyiarkan laporan khas 24 muka, sempena lawatan Dr Mahathir ke PNG, yang terletak di selatan garisan Khatulistiwa dan 160 km ke utara Australia.

Dalam kenyataan bagi menyambut lawatan Dr Mahathir, Sir Michael berkata kerajaan beliau akan menyokong amalan pelaburan lanjut daripada perusahaan Malaysia untuk melengkapkan pertumbuhan dan pembangunan hubungan perdagangan dan komersial antara kedua-dua negara.

Beliau berkata pelaburan Malaysia di Papua New Guinea semakin berkembang dan terus menyediakan peluang pekerjaan kepada ramai penduduk negara itu.

"Malaysia merupakan pelabur utama di Papua New Guinea sejak sedekad lepas dengan sejumlah 246 perusahaan Malaysia yang diluluskan, menjalankan perniagaan antara 1999 dan 2003," katanya dipetik sebagai berkata oleh National.

Kedua-dua negara menjalin hubungan diplomatik pada 1976.

-- BERNAMA

AZZ JM LAT